

26 AUG 1997

DBKL PUNGUT RM37,000 HASIL DENDA ORANG RAMAI BUANG SAMPAH

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sehingga hari ini berjaya memungut sebanyak RM37,000 hasil kompaun daripada orang ramai kerana membuang sampah di merata-rata tempat sejak bermulanya Operasi Anti Kotor 12 Ogos lepas.

Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff berkata hasil itu diperolehi daripada kutipan kompaun RM100 seorang bagi mereka yang melakukan kesalahan mengikut Seksyen 47 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Orang ramai yang telah dikenakan kompaun itu perlu menjelaskan bayaran dalam tempoh 14 hari, jika gagal berbuat demikian tindakan mahkamah akan diambil selepas tamat tempoh.

"Jika sabit kesalahan mereka boleh didenda sebanyak RM500 bagi kesalahan pertama, RM1,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya," katanya kepada pemberita selepas menyertai Operasi Anti Kotor di sekitar Kuala Lumpur hari ini.

Dalam operasi yang melibatkan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Imbi itu, didapati jalan-jalan berkenaan masih dipenuhi sampah-sarap, membuktikan orang ramai masih belum dapat mengikis sikap suka membuat kotor di tempat awam seperti yang ditegur Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Menurut Kamaruzzaman kebanyakan kotoran dilakukan oleh penjaja gerai makan kerana mereka tidak membersihkan saki-baki makanan dan membawa balik peralatan memasak selepas habis berniaga.

Turut serta dalam operasi itu ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad dan Ketua Pengarah DBKL Datuk Noordin Abdul Razak. -- BERNAMA

WR RON